Aktiviti 3 (a)

Edit tanda baca.

Isi Borang Pendaftaran Sekolah

Adik Halim telah berumur empat tahun. Dia akan belajar di Tadika Ria. Halim meminta izin daripada ayahnya untuk mengisi borang pendaftaran. Dia mengisikan nama alamat dan nombor surat lahir pada borang itu

"Halim, mengapakah kamu tidak menulis nama negara ini" tanya ayah Halim.

"Aduhai saya terlupa" kata Halim sambil meminta maaf daripada ayahnya.

Halim mengambil pen lalu melengkapkan borang itu semula

"Mengapakah maklumat itu perlu ditulis," tanya Halim

"Maklumat ini penting kerana inilah buktinya kita rakyat malaysia," jawab kartini, kakak Halim.

"Wah, hebat kakak" kata Halim.

Nota Guru

- Minta murid mengedit dan memurnikan hasil penulisan dari aspek tanda baca.

3.3.2 (ii)
BT2: 15

LIVEWORKSHEETS